

**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUTERA (B.2 EB.3)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.




**JURUTERA
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Elektrikal dan Elektronik / Mekanikal atau bidang berkaitan.
2. Mengetahui serta memahami sistem penghantaran 66kV, sistem pembahagian *Low Voltage (LV)* dan 11kV termasuk *switching & operation* sistem janakuasa elektrik dan pemasangan jentera '*standby generators*'.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membantu Ketua Bahagian dan Pegawai Kanan di Bahagian masing-masing di setiap Cawangan atau di Pusat-Pusat Janakuasa di Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
2. Memantau *status asset* dengan menggunakan *Microsoft Excel*;
3. Membantu Ketua Bahagian dan Pegawai atasan dalam menyelenggara operasi pembahagian dan pemeliharaan serta mengenal pasti masalah-masalah Janakuasa dan pembahagiannya atau perkara yang berkaitan;
4. Mengurus, menyelaras, merancang projek-projek Perancangan Kemajuan Negara (RKN) dan projek-projek di bawah peruntukan tahunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
5. Mengurus, menyelaras, merancang aset-aset Jabatan serta keperluan yang berkaitan dengannya;
6. Menyelaras, mengawas dan memantau kerja-kerja penggantian talian kawat atas jenis '*Bare Conductor*' kepada jenis *Aerial Bundled Cable (ABC)* berkulit bagi kawasan Daerah Brunei Muara (Barat) yang menyumbang ke arah penurunan gangguan elektrik;



7. Mematuhi '*Safety Rules*' disepanjang bertugas;
8. Bertanggungjawab terhadap operasi dan pemeliharaan gas turbine generation dan semua alatan di Pusat Janakuasa;
9. Menyelesaikan dan membaikpulih kerja-kerja di Pusat-Pusat Janakuasa seperti Pusat Janakuasa Gadong 1 dan 2, Pusat Janakuasa Bukit Panggal Tutong, Pusat Janakuasa SHOASSKW, Lumut pada bila-bila masa diperlukan;
10. Bertanggungjawab dalam memastikan dan menguruskan alat-alat ganti dan alat perkakas dalam keadaan yang mencukupi dan tersusun;
11. Bertanggungjawab atas pentadbiran dan pengurusan semua Pegawai dan Kakitangan di Pusat Janakuasa di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Elektrik;
12. Membantu Ketua Bahagian Penjanaan dalam membuat kerja-kerja yang diarahkan dari semasa ke semasa;
13. Menjadi wakil Ketua Bahagian Penjanaan untuk mewakili mesyuarat di dalam dan di luar Jabatan; dan
14. Menjalankan tugas-tugas teknikal lain yang diarahkan Pengarah dan Timbalan Pengarah serta Pegawai-Pegawai Kanan dari semasa ke semasa.